



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENERAPAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21 DALAM MATA PELAJARAN BIOLOGI

SILVINA SILVESTER

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penerapan pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran Biologi tingkatan 4 di daerah Rawang mengikut jantina dan pencapaian. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen dengan analisis tinjauan deskriptif dan inferensi digunakan sebagai reka bentuk kajian. Seramai 60 pelajar Biologi tingkatan 4 dalam daerah Rawang digunakan sebagai sampel kajian. Dapatan menunjukkan persepsi pelajar terhadap penerapan pembelajaran abad ke-21 adalah tidak pasti dengan min 2.75. Analisis ujian pula membuktikan tiada perbezaan persepsi pelajar terhadap pengamalan pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran Biologi berdasarkan jantina. Ujian Mann-whitney U bagi perbandingan pelajar perempuan ialah $p = 0.77$. Tahap signifikan menunjukkan lebih besar daripada 0.05 ($p = 0.77 > 0.05$). Juga tiada perbezaan persepsi pelajar terhadap penerapan pembelajaran abad ke-21 mengikut pencapaian. Analisis Kruskal Wallis H dengan nilai $p=0.61$. Hasil kajian ini dapat memberi impak yang bermanfaat mengenai sikap murid dalam pengamalan pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran Biologi di dalam bilik darjah di daerah Rawang. Implikasi kajian ini dapat membantu pihak yang terlibat dalam perkembangan dan menerapkan pembelajaran abad ke-21.

ABSTRACT

The study aims to identify students' perceptions of the application of 21st century learning in Level 4 Biology subjects in the Rawang district by gender and achievement. The study uses survey questions as instruments with descriptive survey analysis and inference used as study design. Sixty Biology students at the 4th grade in the Rawang district were used as samples. Revenue indicates student perception of the application of 21st century learning is uncertain by min 2.75. Test analysis demonstrates no difference in students' perceptions of 21st-century learning practices in gender-based biology subjects. The Mann-Whitney U test for the female student comparison is $p = 0.77$. Significant levels indicate greater than 0.05 ($p = 0.77 > 0.05$). Also, there is no difference in student perception of the application of 21st century learning according to achievements. Wallis H Kruskal analysis with a $p=0.61$ value. The results of this study can have a beneficial impact on the attitude of students in the practice of learning of the 21st century in Biology subjects in classrooms in the Rawang district. The implications of this study can help those involved in the development and application of 21st century learning.

KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI SINGKATAN	viii
SENARAI LAMPIRAN	ix

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	2
1.2	Latar Belakang Masalah	2
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Tujuan Kajian	3
1.5	Objektif Kajian	3
1.6	Hipotesis Kajian	4
1.7	Persoalan Kajian	4
1.8	Kerangka Konseptual	5
1.9	Pelajar	6
1.10	Guru	7
1.11	Sekolah	7
1.12	Kementerian Pendidikan Malaysia	7
1.13	Pihak Berkepentingan Pendidikan	7
1.14	Batasan Kajian	8
1.15	Kepentingan Kajian	8
1.16	Definisi Operasional	9
	1.16.1 Persepsi	9
	1.16.2 Pembelajaran abad ke-21	9
1.17	Rumusan	10

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	11
2.2	Teori	11
	2.2.1 Teori Konstruktivisme Kognitif	11
	2.2.2 Teori Konstruktivisme Sosial	12

2.3	Kajian-kajian Lepas	13
2.4	Rumusan	13

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	14
3.2	Reka Bentuk Kajian	15
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	15
3.4	Instrumen Kajian	16
3.4.1	Soal selidik	16
3.5	Prosedur Kajian	17
3.6	Analisis Data	18
3.6.1	Kesahan Instrumen	18
3.6.2	Kajian Rintis	19
3.6.3	Kajian Lapangan	20
3.7	Rumusan	21

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	22
4.2	Analisis profil responden	23
4.3	Analisis data berdasarkan persoalan kajian	24
4.3.1	Persoalan Kajian 1	25
4.3.2	Persoalan Kajian 2	27
4.3.3	Persoalan Kajian 3	28
4.3	Analisis Data Berdasarkan Hipotesis Kajian	29
4.3.1	Hipotesis null 1	29
4.3.2	Hipotesis null 2	30
4.4	Kesimpulan	30

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	31
5.2	Ringkasan Kajian	31
5.3	Implikasi Kajian	32
5.4	Cadangan	33
5.5	Rumusan	34

RUJUKAN	35
----------------	----

LAMPIRAN	38
-----------------	----

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Jadual Analisis Kesahan Penilai Pakar	19
4.1	Jadual Taburan Responden Mengikut Jantina	23
4.2	Jadual Taburan Responden Mengikut Umur	23
4.3	Jadual Taburan Responden Mengikut Pencapaian	24
4.4	Jadual Analisis min, dan sisihan piawai item soal selidik	25
4.5	Jadual Purata min	27
4.6	Jadual Analisis Mann-Whitney U persepsi pelajar mengikut jantina	28
4.7	Jadual Analisis Kruskal Wallis H persepsi pelajar mengikut pencapaian	29

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka konseptual kajian	6
3.1	Prosedur Kajian	17

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
SPSS	Statistical Package for Social Science

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

Muka Surat

Halaman lampiran

38

Lampiran A

Data SPSS

A

Lampiran B

Borang Kesahan Pakar

B

Lampiran C

Borang Instrumen Kajian

C



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Menerusi era globalisasi ini, pendidikan bukan hanya merujuk kepada penghasilan individu yang bijak sahaja tetapi juga perlu mempunyai kemahiran, pengetahuan dan juga motivasi.

Oleh itu pendekatan baru iaitu pembelajaran abad ke-21 dibentuk pada tahun 2014 bagi mendidik generasi baharu pada masa akan datang. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pembelajaran abad ke-21 merupakan proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Dalam hal ini, pengajaran melalui cara ini dapat membawa perubahan baru kepada dunia pendidikan. Hal ini demikian kerana, ia merupakan pembelajaran berpusatkan murid yang dapat memberikan impak positif kepada murid seperti membantu mereka untuk bersedia ke alam pekerjaan.



1.2 Latar Belakang Masalah

Sejajar dengan perkembangan teknologi, corak pengajaran tradisional dianggap sebagai usang dan kurang relevan bagi murid-murid pada zaman kini. Oleh itu, pendekatan pembelajaran yang baharu perlu diselaraskan dengan perkembangan ekonomi dan teknologi semasa. Melalui pembelajaran abad ke-21 ia akan memfokuskan pada pengembangan keterampilan yang relevan dengan era modern, seperti keterampilan pemecahan masalah, berfikir kritis, kreativiti, kolaborasi, dan literasi digital. Ini membantu murid untuk menjadi lebih bersedia dalam menghadapi tuntutan dunia nyata dan berjaya dalam berbagai bidang kehidupan. Sehubungan itu, pembelajaran secara tradisional akan menimbulkan perasaan bosan dan hilang minat kepada murid. Hal ini akan membuatkan murid hilang tumpuan. Bagi pendekatan hafalan pula akan menyebabkan murid menghafal tanpa memahami konsep sebenar. Hal ini akan menyebabkan pembelajaran menjadi tidak bermakna.

1.3 Pernyataan Masalah

Melalui hasil analisis keperluan, didapati bahawa 23 daripada 58 responden telah memilih bahawa pengajaran Biologi adalah bosan. Dalam hal ini, pelajar hanya menggunakan teknik penghafalan dan guru biasanya menggunakan kaedah chalk and talk. Hal ini akan menyebabkan wujudnya pembelajaran yang sehalu iaitu kurangnya komunikasi antara guru dan pelajar. Menurut Fazilah et. al (dikutip dalam B Barron, 2000) menyatakan mata pelajaran Biologi tidak mencabar minda kerana fokus pembelajaran lebih berbentuk hafalan.

Oleh itu, adalah amat penting bagi pengkaji untuk melihat sejauh manakah penekanan pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran Biologi

1.4 Tujuan Kajian

Pada abad ke-21, Kementerian Pendidikan Malaysia telah banyak memperkenalkan pelbagai kaedah pengajaran yang dapat membantu murid semasa proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc) dijalankan. Pihak kementerian juga menggalakkan para pendidik untuk lebih kreatif mencipta atau menghasilkan suatu kaedah pengajaran yang baru yang dapat membantu meningkatkan prestasi dan pemahaman murid dalam suatu topik yang dipelajari mereka. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menggalakkan para pendidik untuk menggunakan pembelajaran abad ke-21 semasa proses PdPc di dalam kelas. Oleh yang demikian, kajian ini telah dijalankan bertujuan untuk mengkaji penerimaan murid terhadap penerapan pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran Biologi

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menganalisis persepsi pelajar terhadap pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran Biologi. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- I. I. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penerapan pembelajaran abad ke-21 oleh guru dalam mata pelajaran Biologi.
- II. II. Mengenal pasti perbezaan persepsi pelajar terhadap penerapan pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran Biologi mengikut jantina.
- III. III. Mengenal pasti perbezaan persepsi pelajar terhadap penerapan pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran Biologi mengikut pencapaian.
- IV.

1.6 Hipotesis

H_{01} : Tiada perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap penerapan pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran Biologi mengikut min jantina dan pencapaian

H_{02} : Tiada perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap penerapan pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran Biologi mengikut min jantina dan pencapaian

H_1 : Ada perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap penerapan pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran Biologi mengikut jantina dan pencapaian

1.7 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin dikaji adalah:

- I. I. Apakah persepsi pelajar terhadap penerapan pembelajaran berdasarkan abad ke-21 oleh guru dalam mata pelajaran Biologi?




- II. II. Adakah terdapat perbezaan persepsi pelajar terhadap penerapan pembelajaran abad ke-21 mengikut jantina?
- III. III. Adakah terdapat perbezaan persepsi pelajar terhadap penerapan pembelajaran abad ke-21 mengikut pencapaian?

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Model Taba (1966) mengaitkan secara induktif proses penaakulan iaitu menekankan cara-cara untuk mengukuhkan operasi mental dan proses berfikir dengan menganalisis informasi dan membina konsep. Menurut model ini, pelajar akan dapat meningkatkan pemikiran secara produktif dan kreatif serta memerlukan pelajar untuk bekerja dalam kumpulan secara koperatif dan aktif. Model ini dapat digunakan untuk mencapai objektif atau hasil pembelajaran yang melibatkan membanding beza data, mengkategorikan, menganalisis data dan mengaplikasikan prinsip. Sehubungan itu, Teori Roger Sperry (1970) menyatakan berkaitan dengan pemikiran kritis dan kreatif. Bagi Membentuk pelajar yang dapat berfikir secara meluas dengan kedua bahagian otak yang dikembangkan secara seimbang dengan mempelbagaikan aktiviti pembelajaran melibatkan membanding beza data, mengkategorikan, menganalisis data dan mengaplikasikan prinsip serta melibatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Model Taba dan Teori Roger Sperry, dapat digunakan bagi kajian ini untuk menganalisis persepsi pelajar berkaitan pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran



Biologi berdasarkan jantina dan juga pencapaian. Oleh itu, pembinaan kerangka konseptual dijalankan.



Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian

Kerangka konseptual yang dibina bagi kajian ini mengaitkan pembolehubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Dalam kajian ini, pembolehubah tidak bersandar merujuk kepada jantina dan pencapaian. Sebaliknya, keputusan bagi instrumen soal selidik sebenarnya menunjukkan persepsi pelajar terhadap penerapan pembelajaran abad ke-21 dalam Biologi merupakan pembolehubah bersandar,

1.9 Pelajar

Kajian ini banyak memberi manfaat kepada murid yang mana dapat meningkatkan pemikiran yang kritis dan juga kreatif . Selain itu, kajian ini juga akan meningkatkan kemahiran komunikasi murid semasa PdPc dijalankan.

1.10 Guru

Kajian ini banyak memberi manfaat kepada pendidik kerana dapat mengenalpasti penerimaan murid bagi pembelajaran abad ke-21 dalam PdPc dan bagaimana cara pendidik mempraktikkan pembelajaran abad ke-21 serta mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam PdPc mereka di dalam kelas.

1.11 Sekolah

Pembelajaran abad ke-21 dapat membuat proses pembelajaran lebih menarik dan interaktif. Dengan melibatkan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis,kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika, murid akan lebih bermotivasi untuk belajar dan lebih aktif dalam mengikuti proses pembelajaran. Hal ini dapat meningkatkan kualiti pembelajaran di sekolah.

1.12 Kementerian Pendidikan Malaysia

Pembelajaran abad ke-21 dapat membantu sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam melaksanakan kurikulum yang ditetapkan. Dengan mengintegrasikan pembelajaran abad ke-21 ke dalam pembelajaran, dapat menghasilkan murid yang holistik dan menguasai kemahiran abad ke-21 dalam mendepani cabaran semasa dan masa hadapan .

1.13 Pihak berkepentingan pendidikan



Bagi kajian ini melalui kaedah pembelajaran abad ke-21 dalam Pdpc akan dapat memberikan banyak manfaat kepada pihak berkepentingan pendidikan seperti guru, pelajar dan ibu bapa. Dalam hal ini, murid akan memiliki kemahiran untuk kehidupan masa hadapan. Seterusnya, penerapan pembelajaran abad ke-21 ini membantu murid dalam menghadapi pentaksiran dan peperiksaan serta membantu dalam persediaan untuk ke alam kerjaya.

1.14 Batas Kajian

Kajian ini terbatas hanya kepada pelajar tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Biologi di kawasan daerah Rawang, Selangor sahaja. Oleh itu, kajian ini hanya melibatkan sebahagian kawasan di Malaysia sahaja. Kajian ini juga menggunakan instrumen soal selidik bagi mendapatkan persepsi pelajar.



1.15 Kepentingan kajian

Kajian penerapan pembelajaran abad ke-21 ini merupakan sangat penting untuk diterapkan dalam Pdpc dalam kelas. Sememangnya tidak dinafikan bahawa terdapat cabaran bagi melaksanakan pembelajaran abad ke-21 seperti penggunaan pelbagai jenis bahan bantu mengajar, penggunaan teknologi dan aktiviti-aktiviti yang menarik perlu dilakukan. Menurut Wong Weng Siong dan Kamisah Osman (dikutip daripada Mohamed Arip et al menyatakan bahawa kecenderungan guru menggunakan kaedah pengajaran tradisional dan tidak menggunakan bahan bantu mengajar dalam Pdpc akan menyebabkan pelajar hilang tumpuan dalam pelajaran. Oleh itu, kajian dapatan ini diharapkan dapat meningkatkan penggunaan bagi para pendidik terutamanya bidang biologi dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-



21. Selain itu, dapatan kajian ini juga berguna kepada pihak-pihak lain. Pentadbir sekolah boleh menggunakannya dapatan kajian ini untuk menggalakkan dan membimbing dalam menerapkan pembelajaran abad ke-21 bagi semua mata pelajaran di sekolah. Tambahan lagi, dapatan kajian ini juga dapat memberi maklumat tentang kesesuaian penerapan pembelajaran abad ke-21 dalam pengajaran dan keberkesanannya terhadap pencapaian akademik pelajar dan ini dapat membantu institusi yang melatih bakal guru untuk membaiki latihan. Selain memberi pendedahan dalam aspek pedagogi, bakal guru juga digalakkan merujuk kajian seumpama ini supaya mereka dapat memikirkan cara pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.

1.16 Definisi Operasional

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah telah dikenal pasti untuk di definisikan secara operasional. Antaranya adalah seperti berikut:

1.16.1 Persepsi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, persepsi merujuk kepada gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu. Menerusi kajian ini, persepsi pelajar ialah pandangan pelajar terhadap penerapan pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran Biologi.

1.16.2 Pembelajaran abad ke-21

Pembelajaran abad ke-21 merupakan proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai

murni dan etika. Melalui kajian ini, pembelajaran abad ke-21 merujuk kepada kemampuan pelajar untuk berkomunikasi, kreatif, berfikiran kritis dan penerapan nilai murni.

1.17 Rumusan

Sebagai penutup, bab 1 ini menceritakan tentang latar belakang, pernyataan masalah, tujuan, objektif, persoalan,, limitasi, signifikan dan kerangka konseptual kajian. Bab ini juga merungkai definisi operasional mengikut skop kajian.